



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***NILAI-NILAI MURNI DALAM SEUNTAI HIMPUNAN  
366 CERITA RAKYAT MALAYSIA***

**MOHD FIRDAUS BIN CHE YAACOB**

**FBMK 2015 17**



**NILAI-NILAI MURNI  
DALAM SEUNTAI HIMPUNAN 366 CERITA RAKYAT MALAYSIA**

Oleh  
**MOHD FIRDAUS BIN CHE YAACOB**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**April 2015**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **Dedikasi**

*Titipan Tulus Ikhlas  
Untuk insan tercinta  
Arwah Ayahanda Ku, Che Yaacob Che Daud  
Bondaku, Sabariah Karim  
Baktimu, Budimu, Jasamu dan Pengorbananmu  
Berkubuteguh di lubuk hati, Amanahmu kudakapku kuhi  
Kepercayaanmu Kugenggamutuhi*

*Sekalung Penghargaan Untuk  
Kekanda-kekanda yang disayangi  
Terima kasih atas sokongan kalian  
Titipan buat adinda anak buah tercinta  
Serta kaum keluarga terdekat  
Karyaku ilham kang gagasan  
Untuk menggapai pelbagai idaman  
Mendaki tanggai impian, Menghampiri tingkahtarapan*

*Jutaan Terima Kasih Kepada Ahli Jawatan Kuasa Penyeliaan Tesis saya iaitu;  
Prof. Madya Dr. Normaliza Abd Rahim  
Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi  
Yang sentiasa memberidongan dan kata-kata semangat untukku terus berjuang  
Yang tidak pernah jemumenghulurkan ilmu  
Kulakarakan jutaan terima kasih atas segala curahan ilmu  
Jasamu akan ku kenang hingga pengakhirannafasku*

*Sementara itu, rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Pensyarah-Pensyarah yang  
dihormati iaitu;*

*Prof. Dr. Hashim Musa  
Pof. Madya Dr. Ibrahim Salleh  
Prof. Madya Dr. Zariat Abdul Rani  
Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud  
Prof. Madya Dr. Abdul Rasyid Melebek  
Prof. Madya Dr. Samsina Abd Rahiman  
Dr. Roslina Abu Bakar  
Dr. Rozita Che Rodi  
Dr. Salmah Jan Noor Muhammad  
Pn. Halimah Hassan  
Pn. Rahimah Hamdan  
Keranasudimemberi bimbingan dan panduan berguna  
Sepanjang menjadikandidik kalian*

*Ucapan terima kasih saya rakan jugabuat Sahabat-Sahabati iaitu;  
Mohd Fahmi Ismail  
Mohd Rusydi Hashim  
Nik Fazrul Azri Nik Azis*

*Mohd Azam Hasnizam Razali  
Mohd Fikri Sofi  
Muhammad Ekram Hussin  
Mohd Farid Nazmi Mohd Nasir  
Mohd Syamsul Mat Din  
Syuhadan Anuar  
Ahmad Firdaus Aziz  
Mohammed Azlan Abdullah  
Nor Suhaida Ismail  
Nur Munirah Daslan  
Siti Noriha Sulong  
Nur Farhana Shahira Rosly  
Nur Siti Hafizah Razali  
Nur Hidayu Jaafar  
Siti Asma Ahmad  
Nur Hidayati Ismail*

*Terima kasih mengajar ku tentang ketabahan, kesabaran, kecekalan dan kasih sayang  
Kankubawasebagai ingatan  
Dirimu kalian tak mungkin kulupakan Sahabat  
Sentiasapusat inggalan zaman, Doaku kebahagiaan kalian  
Tidak lupa jugabuat rakan-rakan seperjuangan  
Serta kawan-kawan yang mengenal diri ini*

*Akhir sekali,*

*Saya ingin merakamkan terima kasihserta kesyukuran kepada Dr. Shahril Nizam Sha'rie Encik  
Muhammad Zarif Hassan @ Zulkifli kerana telah membantudalam memberitunjuk ajar,  
saranandancurahan ilmu amat berguna kepada saya di saat akhir proses untuk menyiapkan tesis ini.  
Segalajasad anbudibai kbeliauhanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya.  
Didoakan mereka terus berjaya di duniadan di akhirat kelak.*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**NILAI-NILAI MURNI  
DALAM SEUNTAI HIMPUNAN 366 CERITA RAKYAT MALAYSIA**

Oleh

**MOHD FIRDAUS CHE YAACOB**

**April 2015**

**Pengerusi : Prof. Madya. Normaliza Abd Rahim, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini menumpukan kepada penelitian aspek nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini akan memaparkan kembali cerita rakyat Melayu kaya dengan nilai-nilai murni yang dapat membentuk tingkah laku positif dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan kepercayaan khususnya masyarakat Melayu. Oleh demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013) dan merumuskan nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013). Seterusnya, pendekatan analisis kandungan kuantitatif telah dipilih sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Dalam kajian ini, penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dipilih sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian tersebut. Penelitian dan penghuraian terhadap empat konsep asas Falsafah Pendidikan Kebangsaan merangkumi konsep menjana minda, rohani, emosi dan jasmani dilaksanakan sebagai asas deduksi dalam pendekatan kajian. Kajian ini juga berhasil membuktikan beberapa penemuan melalui penelitian terhadap enam belas nilai murni yang menjadi sandaran bagi menonjolkan norma-norma kebudayaan Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya sarat dengan nilai-nilai murni di samping kaya dengan nilai kebudayaan Melayu yang selama ini menjadi gambaran dan pegangan masyarakat Melayu seterusnya menjadi wadah membentuk normayang baik terhadap khalayaknya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Arts

**VALUES IN  
SEUNTAI HIMPUNAN 366 CERITA RAKYAT MALAYSIA**

By

**MOHD FIRDAUS CHE YAACOB**

**April 2015**

**Chairman : Assoc. Associate. Normaliza Abd Rahim, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study focused on the values aspects in the Malay folklores anthologized in the book of *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. This study would show the Malay folklores are rich in values that can shape positive behaviors among people regardless of religion, race and beliefs, especially the Malays. Hence, the objective of this study were to analyze and to sum up all the values inculcated in the Malay folklores contained in the book of *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013). The researcher used quantitative content analysis approach as the guidelines to complete this research. In this study, the National Philosophy of Education was taken into account in order to support the research analysis. Observation and elaboration on four basic concepts in the National Philosophy of Education which is to develop people's intellectual, spiritual, emotional and physical, implemented as the basic deduction in the study. This study successfully proved some findings through the reviews of sixteen values as collateral to highlight the cultural norms of Malays. The results show that the Malay folklore is laden with values as well as rich with Malay culture values which have been given the pictures of what the Malay community has been holding with. It is also can become a platform to develop good norms towards the audience.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Segala puji dan syukur kepada Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad S.A.W.

Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis saya iaitu Prof. Madya Dr. Normaliza Abd Rahim & Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi di atas bimbingan, tunjuk ajar, saranan, dan panduan yang sangat berguna kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh mereka akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah S.W.T.

Selain itu, sekalung jutaan terima kasih buat ibu tercinta dan keluarga tersayang kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan kajian ini. Ribuan terima kasih kepada rakan-rakan taulan yang menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan kerja ini. Akhir kata, semoga dunia sastera terus maju. Segala yang buruk daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik datangnya dari Allah S.W.T.

Sekian, Terima Kasih.

Nama : Mohd Firdaus Che Yaacob

No Matrik : GS37504

Alamat : Kampung Pulau Belanga

16150, Kota Bharu. Kelantan.

No Telefon : 0176885216

Email : [mohdfirdauscheyaacob@yahoo.com](mailto:mohdfirdauscheyaacob@yahoo.com)



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 8. April 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Firdaus Che Yaacob bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Nilai-Nilai Murni Dalam *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut :

**Mohd Zariat Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Arba'ie Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalaman)

**Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, PhD**

Pensyarah Kanan  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

**Normaliza Abd Rahim, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM KUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan / fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan 2012). Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Metrik: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iv</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB</b>	
<b>I      PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Skop dan Batasan	4
1.7 Definisi Operasional	7
1.7.1 Nilai	7
1.7.2 Nilai-Nilai Murni	7
1.7.3 Cerita Rakyat	8
1.7.4 Melayu	8
1.8 Kesimpulan	9
<b>II     SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Pengkajian Nilai-Nilai Murni Dalam Sastera Rakyat Melayu	10
2.3 Pengkajian Terhadap Cerita Rakyat Melayu	14
2.4 Kesimpulan	19
<b>III    METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	21
3.2 Reka Bentuk Kajian	21
3.3 Kaedah Kajian	21
3.3.1 Teks	21
3.3.2 Penganalisan Data	21
3.4 Pengenalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	22
3.4.1 Paksi Falsafah Pendidikan Kebangsaan	22
3.5 Konsep Menjana Minda / Intelek	23
3.5.1 Sikap Berusaha Mencari dan Mempertingkatkan Ilmu	23

3.5.2	Daya Pemikiran Logik, Kreatif dan Inovatif	23
3.5.3	Usaha Memanfaatkan Ilmu Untuk Diri Orang Lain dan Masyarakat	23
3.6	Konsep Rohani	23
3.6.1	Menyedari dan Menginsafi Hakikat Pencipta	24
3.6.2	Menghargai dan Mensyukuri Pemberian Pencipta	24
3.6.3	Menyedari dan menginsafi Tanggungjawab	24
3.7	Konsep Emosi	24
3.7.1	Perasaan Tenang dan Tingkah Laku Terkawal	24
3.7.2	Memiliki dan Memupuk Sikap Kasih Sayang	25
3.7.3	Memiliki Semangat Kekitaan dan Perpaduan	25
3.8	Konsep Jasmani	25
3.8.1	Kecergasan Fizikal dan Kesihatan Diri	25
3.8.2	Dapat Menggunakan Anggota Tenaga Fizikal Sendiri Untuk Hidup Berdikari Dan Hidup Bermasyarakat	25
3.9	Nilai-Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan	26
3.9.1	Baik Hati	26
3.9.2	Berdikari	26
3.9.3	Hemah Tinggi	26
3.9.4	Hormat- Menghormati	26
3.9.5	Kasih Sayang	26
3.9.6	Keadilan	27
3.9.7	Kebebasan	27
3.9.8	Keberanian	27
3.9.9	Kebersihan	27
3.9.10	Kejujuran	27
3.9.11	Kerajinan	28
3.9.12	Kerjasama	28
3.9.13	Kesederhanaan	28
3.9.14	Kesyukuran	28
3.9.15	Rasional	28
3.9.16	Semangat Bermasyarakat	29
3.10	Kerangka Konseptual	30
3.11	Kesimpulan	31

#### **IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	32
4.2	Nilai-Nilai Murni	32
4.2.1	Baik Hati	32
4.2.1.1	Belas Kasihan	32
	Tuan Puteri Si Helang Bakau	33
	Awang Mata Berdener	34
	Seuncang Padi	34
4.2.1.2	Pemurah	35
	Isteri yang Bongkak	35
	Peraduan Bercerita	36
	Pak Belalang	36

4.2.1.3	Pemaaf	37
	Bismillah	37
	Kendi Ajaib	38
	Bayoh Menjadi Buaya	39
4.2.1.4	Bertimbang Rasa	39
	Raja Kuyuk	39
	Pacing Besi, Pancing Emas	40
	Batu Hikmat	41
4.2.2	Berdikari	42
4.2.2.1	Bertanggungjawab	42
	Pengorbanan Kansiduo	43
4.2.2.2	Bertindak Sendiri	43
	Pak Pandir Pergi Berdagang	44
4.2.2.3	Jaya Diri	44
	Busu Si Mawas Kerdil	45
4.2.3	Hemah Tinggi	46
4.2.3.1	Sopan Santun	46
	Pencerita yang Bijak	46
	Buluh Perindu	47
4.2.3.2	Ramah Mesra	47
	Sebab Tuntung Bertelur di Bota	48
4.2.4	Hormat-menghormati	49
4.2.4.1	Sikap Menghormati Orang Tua	49
	Kerana Tebu Sebatang	49
	Gelugur Jelutong	50
4.2.4.2	Sikap Menghormati Rakan	50
	Harta Tujuh Gedang	50
4.2.5	Kasih Sayang	51
4.2.5.1	Sayang Kepada Nyawa	52
	Puteri Pucuk Ketumpang	52
	Belah Batu Bertangkup	52
	Orang Kaya Kedekut	53
4.2.6	Keadilan	54
4.2.6.1	Adil Dan Saksama	55
	Kacang dan Telur Ayam	55
	Puteri Kelapa Gading	56
	Awang Selamat	56
4.2.7	Kebebasan	57
4.2.7.1	Kebebasan Bersuara	58
	Puteri Bunga Tanjung	58
	Kebebasan Fizikal	59
	Kerana Tebu Sebatang	59
4.2.8	Keberanian	60
4.2.8.1	Tidak Membuta Tuli	60
	Cik Siti Wan Kembang	60
	Gual Pasung Hantu	61
4.2.8.2	Berani Kerana Benar	62
	Berani Menuntut Bela	62

4.2.9	Kebersihan	63
4.2.9.1	Kebersihan Persekitaran	63
	Pohon Kemuni	63
	Angin dan Matahari	64
	Bangau Menenun Songket	65
4.2.10	Kejujuran	66
4.2.10.1	Amanah	66
	Awang yang Lurus	66
4.2.10.2	Bercakap Benar	67
	Padi Berbuah Emas	67
4.2.10.3	Ikhlas	68
	Penjual Api yang Lurus	68
4.2.11	Kerajinan	69
4.2.11.1	Daya Usaha	69
	Wasiat yang Bijaksana	69
	Periuk Kera Ajaib	70
	Puteri Birah Keladi	71
4.2.12	Kerjasama	72
4.2.12.1	Bergotong- Royong	72
	Kota Kulit Kerang	72
	Asal Usul Sungai Pinggan	73
4.2.13	Kesederhanaan	74
4.2.13.1	Kesederhanaan Perilaku	74
	Puteri Sanggul	74
	Neng Tiga Beradik	75
4.2.14	Kesyukuran	76
4.2.14.1	Berterima Kasih	76
	Tuk Naga	76
4.2.14.2	Nikmat Rezeki Daripada Tuhan	77
	Nyanyian Kedidi	77
	Kenapa Harimau Kumbang	78
4.2.15	Rasional	79
4.2.15.1	Keupayaan Berfikir Waras	79
	Pak Tani Menipu Harimau	79
	Hakim yang Bijaksana	80
	Takar Emas	81
4.2.16	Semangat Bermasyarakat	82
4.2.16.1	Muafakat	82
	Pelanduk Berani Negeri Terbilang	82
4.2.16.2	Tolong-Menolong	83
	Burung Qaf Wau	83
	Bayagong	84
4.4	Kesimpulan	85

## V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	86
5.2	Rumusan	86
5.3	Implikasi Kajian	
5.3.1	Pihak Kementerian	87
5.3.2	Kesusasteraan Tanah Air	88



5.3.3 Dunia Akademik	88
5.3.4 Masyarakat Melayu	89
5.4 Cadangan	89
5.4.1 Menilai Cerita Rakyat Melayu Dalam Sudut Pandang Yang Berbeza	89
5.4.2 Menggalakkan Golongan Muda Meminati Dan Menghayati Segala Nilai Warisan Yang Ada Dalam Cerita Rakyat Melayu Melalui Institusi Pendidikan	89
5.4.3 Peranan Media Massa	90
5.5 Penutup	90
<b>RUJUKAN</b>	91
<b>BIODATA PELAJAR</b>	97

## SENARAI JADUAL

**Jadual**

**Halaman**

1.1 Batasan Kategori Cerita Rakyat Melayu

5



**SENARAI RAJAH**

**Rajah**

**Halaman**

2.1

Kerangka Konseptual

30



**SENARAI SINGKATAN**

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan / Falsafah Pendidikan Negara
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia / Kementerian Pelajaran Malaysia
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sastera rakyat merupakan sastera lisan yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Sastera lisan berkembang dalam masyarakat yang dimiliki bersama dan penyebarannya adalah disebarkan secara lisan dari mulut ke mulut serta diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi berikutnya. Dalam konteks ini, pernyataan tersebut telah diperjelaskan oleh Dorson (1973: 3), *Folk Literature* juga dikenali sebagai *Oral Literature* (Kesusasteraan Lisan) atau *Verbal Art* (Seni Pertuturan) atau *Expressive Literature* (Kesusasteraan Ekspresif) yang merangkumi bahasa rakyat, nyanyian rakyat, cerita rakyat, puisi rakyat, ungkapan rakyat (Peribahasa) dan semua prosa dan puisi tradisi, sama ada dalam bentuk cerita atau bukan cerita yang berlegar di sekitar masyarakat menerusi lisan, diwarisi oleh satu generasi daripada generasi terdahulu melalui media lisan tanpa diketahui siapa penciptanya.

Seterusnya, Mohd Taib Osman (1976: 4), menyatakan bahawa kesusasteraan rakyat juga bermakna kesusasteraan lisan, seni tuturan atau kesusasteraan ekspresif. Beliau merujuk kepada segala bentuk bahasa yang mengandungi seni *susastera* iaitu yang bernilai estetik, mempunyai peranan sebagai panduan, petunjuk dan pengajaran yang dihasilkan oleh sesuatu kolektif atau rakyat, tidak terbatas kepada masyarakat Melayu desa, petani atau nelayan sahaja. Namun begitu, sastera lisan juga meliputi masyarakat yang sudah memiliki sistem tulisan dan telah cukup *literate* tetapi tradisi lisan masih hidup di dalamnya. Sehubungan itu, sastera rakyat adalah terdiri daripada rangkuman aspek kebudayaan dan pandangan dunia terhadap masyarakat tradisi. Selain itu, perwarisan sastera rakyat kepada generasi kemudian yang dijalinkan menerusi hubungan komunikasi dapat mencetuskan kreativiti. Lantas, sastera rakyat yang diperoleh itu memiliki kekuatan kerana dapat memberi pedoman dan pengajaran kepada masyarakat tradisi.

Cerita rakyat Melayu juga merupakan sebahagian daripada sastera milik masyarakat Melayu yang telah disampaikan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain sejak zaman berzaman lagi (Mohd Taib Othman, 1991: 31). Bahkan, cerita rakyat Melayu adalah hasil pengucapan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Selain itu juga, menurut Mohd Taib Othman (1991: 31) dan Normaliza Abd Rahim (2014a; 2014b) cerita rakyat Melayu juga merupakan warisan tradisi yang dipanjangkan kepada generasi kemudian dan masih popular serta diminati oleh masyarakat Melayu sehingga kini. cerita rakyat Melayu mempunyai keunikan dan menarik kerana setiap penyampaian ceritanya sarat dengan perutusan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pedoman kepada masyarakat Melayu dalam menjalani sesebuah kehidupan.

Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menjadikan nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu sebagai landasan penting untuk mereka mengamalkan perlakuan-perlakuan yang baik bagi memastikan kelangsungan hidup yang lebih baik. Di samping itu, nilai-nilai murni juga dapat memberi impak yang tinggi terhadap perubahan diri seseorang individu kerana cerita rakyat Melayu yang diperolehi pada ketika itu sarat dengan kandungan nilai-nilai murni yang boleh

membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya (Normaliza Abd Rahim et. al., 2014: 216). Kajian yang telah dilakukan itu dapat dinyatakan bahawa nilai murni yang disampaikan menerusi cerita rakyat Melayu sememangnya banyak memberi pengajaran kepada manusia di muka bumi ini. Jelasnya, setiap cerita rakyat Melayu yang disampaikan mengandungi nilai-nilai murni yang boleh membentuk masyarakat yang bertamadun.

Menurut Wan Abdul Kadir (2000: 2), nilai-nilai murni yang diserapkan oleh medium kepada pembaca melalui penyampaian cerita rakyat Melayu dapat menyemai rasa kemanusiaan, kehalusan jiwa, berbudaya, bernilai murni, beragama, berperadaban dan bertamadun tinggi. Tambahan pula, segala perlakuan, tindakan dan pembinaan tradisi budaya amat bergantung pada aspek nilai. Nilai dan *world-view* sebagai unsur abstrak dalam budaya memainkan peranan penting untuk menentukan perlakuan anggota-anggota masyarakatnya (Wan Abdul Kadir, 2000: 2). Nilai juga dapat mencetus ketelusan diri seseorang individu (Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2014: 80). Hal ini membuktikan, nilai-nilai murni yang terkandung dalam setiap cerita-cerita rakyat Melayu itu mampu memberi pendidikan kepada anggota masyarakatnya.

Seterusnya, pendapat yang telah diutarakan oleh Wan Abdul Kadir (2000: 21) disokong oleh Roslina Abu Bakar (2013: 29) dan Normaliza Abd Rahim (2014b) dengan menyatakan bahawa cerita rakyat Melayu ini wujud daripada pengetahuan yang digabungkan dengan citra alam, persoalan kehidupan, serta pengalaman-pengalaman yang dapat membentuk jati diri positif masyarakat. Oleh itu, setiap cerita rakyat Melayu yang disampaikan kepada pembaca sememangnya terdapat nilai murni yang boleh dijadikan medium penting dalam membentuk masyarakat yang bertamadun. Jelasnya, cerita rakyat Melayu yang disampaikan itu sudah pasti mempunyai nilai-nilai murni yang boleh dijadikan sebagai medium pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat sekali gus dapat membentuk keperibadian yang bermoral dalam kalangan masyarakat Melayu.

Selain itu, Ismail Hamid (1987: 4), turut menyatakan bahawa cerita rakyat Melayu juga dapat menggambarkan fenomena kehidupan, pandangan dunia dan budaya masyarakat tradisi. Hal ini dapat dilihat kerana setiap cerita rakyat Melayu yang disampaikan itu sudah pasti menceritakan tentang kebudayaan Melayu yang selama ini yang mencerminkan nilai-nilai murni masyarakat Melayu. Hal ini bermakna, setiap cerita rakyat yang disampaikan itu sudah semestinya mengisahkan kebudayaan masyarakat Melayu yang selama ini menggambarkan norma-norma sesebuah kehidupan masyarakatnya.

Diikuti, Fatimah Md. Yassin (1990: 79), menyatakan bahawa segala inti pati menerusi cerita rakyat Melayu dapat diguna pakai oleh masyarakat kini sebagai wahana hiburan, sumber didaktik, medium moral dan mendidik individu dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, cerita rakyat Melayu yang diperolehi oleh masyarakat pada zaman dahulu hingga kini sememangnya menitikberatkan nilai-nilai murni yang boleh menggambarkan kebudayaan masyarakat Melayu yang hebat. Tambahan pula, setiap cerita rakyat yang disampaikan itu mempunyai nilai murni yang boleh memberi pengajaran kepada masyarakat, khususnya masyarakat Melayu yang selama ini menjadi tulang kepada asas dan kelangsungan cerita rakyat Melayu. Lantas, mereka telah menjadikan cerita rakyat Melayu tersebut sebagai medium untuk mendidik serta

memberi nilai tambah yang cukup baik dalam memastikan ketamadunan unggul dalam sesebuah masyarakat Melayu.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kajian tentang nilai-nilai murni sememangnya telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan pengkajian aspek nilai-nilai murni dalam sastera rakyat Melayu termasuklah hikayat, nyanyian rakyat, pantun, novel, cerpen, sajak bahkan cerita rakyat Melayu secara khusus. Oleh itu, kajian ini dijalankan kerana bertitik tolak daripada kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini tentang nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu. Antaranya kajian yang telah dilakukan oleh Noor Aina Dani & Ang Lay Hoon (2013), dalam kajiannya terhadap cerita rakyat Melayu. Menerusi kajian tersebut, pengkaji hanya memberi fokus kepada enam nilai murni seperti nilai kebijaksanaan, keberanian, kemanusiaan, keadilan, kesabaran, dan juga keunggulan yang didukung oleh watak-watak dalam cerita rakyat Melayu.

Seterusnya, kajian tentang nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu iaitu hormat-menghormati, tolong-menolong, muafakat, keberanian, kejujuran dan kasih sayang, yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2014) mendapati bahawa nilai-nilai murni dapat membentuk tingkah laku positif kepada golongan kanak-kanak. Oleh demikian, merujuk kepada pernyataan tersebut, pengkajian tentang nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu wajar dijalankan untuk mengisi kelopompongan yang sedia ada. Maka, kajian ini akan mengisi kelompongan kajian tersebut dengan memberi fokus terhadap nilai-nilai murni yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* dan membataskan secara khusus terhadap 16 nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Antara nilai murni tersebut ialah baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat. Sehubungan itu, nilai-nilai murni tersebut bersesuaian dan berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Negara yang berupaya untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi rohani, emosi, jasmani dan intelek. Hal ini menunjukkan masih terdapat kelompongan dalam kajian sebelumnya yang mmpu untuk diisi dan dimantapkan oleh pengkajian ini dalam mengangkat aspek nilai-nilai murni dan mampu untuk mengisi kelompangan yang ada pada kajian-kajian sebelumnya.

## 1.2 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang dapat dibangkitkan, antaranya:

- 1.3.1 Apakah nilai-nilai murni yang terkandung dalam buku cerita rakyat yang dikaji?
- 1.3.2 Bagaimanakah nilai-nilai murni yang terkandung dalam buku cerita rakyat yang di kaji?

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini berusaha untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berdasarkan dua objektif berikut :

- 1.4.1 Menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013), dan
- 1.4.2 Merumuskan nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013).

## 1.5 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai banyak manfaat yang boleh didapati atau diperolehi bagi semua pihak iaitu negara, masyarakat dan penyelidik sama ada yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Salah satu kepentingan kajian ini memberi input kepada sesebuah negara. Hal ini kerana, setiap hasil maklumat yang baharu diperolehi dapat memberikan sumber-sumber maklumat yang baharu dan berguna kepada negara. Dengan cara ini, setiap maklumat yang diperolehi itu boleh dikongsi bersama dalam memastikan setiap hasil kajian memberi manfaat kepada perkara-perkara tertentu. Rentetan itu, cerita rakyat merupakan khazanah yang sangat bernilai kepada sesebuah negara sekali gus memastikan khazanah budaya Melayu ini dapat dilestari sehingga akhir zaman.

Selain itu, kajian ini juga bermanfaat kepada masyarakat kerana memberi pendedahan yang berguna melalui penerokaan setiap cerita rakyat yang disampaikan dari gambaran kehidupan masyarakat itu sendiri. Dengan cara ini, masyarakat dapat merasakan diri mereka lebih dekat dengan gambaran kehidupan yang sebenar. Oleh itu, setiap nilai-nilai murni yang diperolehi melalui pembacaan dan penyampaian cerita rakyat ini boleh membentuk tingkah laku diri yang baik, yang mampu membentuk masyarakat bertamadun dan membuktikan masyarakat yang bermoral dan maju dengan cara menghargai setiap cerita rakyat di negara ini.

Terakhirnya, kajian ini dilihat juga amat penting bagi diri penyelidik sendiri yang mana segala nilai-nilai murni yang dipaparkan dalam cerita rakyat Melayu mampu ditelusuri dengan lebih mendalam dan dimanfaatkan dalam membentuk jati diri sebagai masyarakat Melayu. Selain itu, melalui pengkajian ini juga penyelidik mampu menambahkan lagi pengetahuan sedia ada yang telah dimiliki oleh penyelidik serta mampu mengangkat kembali nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu yang sememangnya dapat membentuk tingkah laku positif dalam kalangan masyarakat Melayu.

## 1.6 Skop dan Batasan Kajian

Seperti yang dinyatakan lebih awal, kajian ini memilih genre cerita rakyat Melayu sebagai data kajian. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini hanya memilih teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diselenggarakan oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Pemilihan teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* kerana keunikan



buku ini dihasilkan mengikut cerita rakyat negeri dari Kelantan, Melaka, Johor, Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Nasional yang menghimpunkan cerita-cerita rakyat Melayu pelbagai variasi serta sarat dengan nilai-nilai murni yang dapat membentuk tingkah laku positif dalam kalangan masyarakat. Selain itu, penggunaan ayat dan bahasa yang mudah difahami oleh semua lapisan khalayak tanpa mengira peringkat umur pembaca. Tambahan pula, isi kandungan yang disertakan bersama himpunan kisah yang ada, mampu menarik minat untuk pembaca memahaminya kerana kandungan yang disampaikan mempunyai nilai-nilai murni. Seterusnya, teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* ini telah mencatat hasil jualan sebanyak 5000 pada tahun 2004 dan diulang cetak sebanyak 10 kali bermula pada tahun 2003 hingga 2013. Catatan ini menjadi bukti bahawa sambutan terhadap buku tersebut sangat memberangsangkan (Kosmo, 2010). Selain itu, buku ini telah diterbitkan untuk kali pertama pada tahun 1995 oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Selepas itu, buku ini juga telah dicetak untuk kali kedua pada tahun berikutnya iaitu bermula dari tahun 2003 hingga 2010 dengan sebanyak dua cetakan. Seterusnya, buku ini dicetak pada tahun 2011 hingga 2013. Selain itu, susunan buku ini juga telah dikarang mengikut bulan dari Januari hingga Disember. Bilangan keseluruhan tajuk buku ini ialah sebanyak 378 tajuk termasuk dengan 12 bonus cerita rakyat pada setiap bulan sehingga 286 halaman bercetak. Sehubungan itu, kajian ini telah membataskan sebanyak 54 cerita rakyat Melayu dengan merujuk Jadual 1.1.

**Jadual 1.1: Kategori Pemilihan Cerita Rakyat Melayu**

<b>Kategori Nilai Murni</b>	<b>Tajuk Cerita Rakyat</b>
<b>BAIK HATI</b>	<i>Tuan Puteri Si Helang Bakau Awang Mata Berdener Seuncang Padi Isteri yang Bongkak Peraduan Bercerita Pak Belalang Bismillah Kendi Ajaib Bayoh Menjadi Buaya Raja Kuyuk Pacing Besi, Pacing Emas Batu Hikmat</i>
<b>BERDIKARI</b>	<i>Pengorbanan Kansiduon Pak Pandir Pergi Berdagang Busu Si Mawas Kerdil</i>
<b>HEMAH TINGGI</b>	<i>Pencerita Yang Bijak Buluh Perindu Sebab Tuntung Bertelur di Bota</i>
<b>HORMAT-MENGHORMATI</b>	<i>Kerana Tebu Sebatang</i>

	<i>Harta Tujuh Gedung Gelugur Jelutong</i>
<b>KASIH SAYANG</b>	<i>Puteri Pucuk Ketumpang Batu Belah Batu Bertangkup Orang Kaya Kedekut</i>
<b>KEADILAN</b>	<i>Kacang dan Telur Ayam Puteri Kelapa Gading Awang Selamat</i>
<b>KEBEBASAN</b>	<i>Puteri Bunga Tanjung Kerana Tebu Sebatang</i>
<b>KEBERANIAN</b>	<i>Cik Siti Wan Kembang Gual Pasung Hantu Berani Menuntut Bela</i>
<b>KEBERSIHAN</b>	<i>Pohon Kemuni Bangau Menenun Songket Angin dan Matahari</i>
<b>KEJUJURAN</b>	<i>Awang yang Lurus Padi Berbuah Emas Penjual Kayu Api yang Mulia</i>
<b>KERAJINAN</b>	<i>Wasiat yang Bijaksana Periuk Kera Ajaib Puteri Birah Keladi</i>
<b>KERJASAMA</b>	<i>Kota Kulit Kerang Asal Usul Sungai Pinggan</i>
<b>KESEDERHANAAN</b>	<i>Puteri Sanggul Neng Tiga Beradik</i>
<b>KESYUKURAN</b>	<i>Tuk Naga Nyanyian Kedidi Kenapa Harimau Kumbang Berekor Panjang</i>
<b>RASIONAL</b>	<i>Pak Tani Menipu Harimau Hakim yang Bijaksana Takar Emas</i>
<b>SEMANGAT BERMASYARAKAT</b>	<i>Pelanduk Berani Negeri Terbilang</i>

## **1.7 Definisi Operasional**

Dalam bahagian ini, setiap frasa penting dalam kajian diberi definisi operasional. Berdasarkan tajuk kajian, terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk memberi gambaran yang jelas, tepat dan khusus dalam konteks kajian ini. Istilah-istilah yang diberi didefinisi iaitu nilai, nilai murni, cerita rakyat dan Melayu.

### **1.7.1 Nilai**

Aucley (1988: 240-214), menyatakan bahawa nilai ialah panduan umum terhadap kelakuan yang merangkumi percakapan manusia tuturkan, perkataan serta bertindak balas terhadap apa-apa yang diperkatakan oleh orang lain. Seterusnya, Zainal Abidin Borhan (2001: 52), menyatakan bahawa nilai adalah suatu bentuk kelakuan yang merupakan asas kepada kehidupan sosial masyarakat yang berbudaya. Oleh itu, masyarakat Melayu yang beragama Islam mempunyai garis panduan yang dapat menentukan nilai tersebut. Selain itu, Wan Abdul Kadir (2000: 4), menyatakan bahawa nilai adalah ukuran yang diberikan oleh individu atau perlakuan baik atau buruk, halus atau kasar, tinggi atau rendah, cantik atau sebaliknya, berasaskan kepada kelaziman dalam sesuatu masyarakat. Kebiasaannya, masyarakat dapat menyatakan ukuran nilai dalam menentukan sesuatu atau perlakuan berasaskan kepada pengalaman yang diterimanya melalui proses sosialisasi.

Lanjutan dari pemahaman tersebut, nilai dapat disimpulkan sebagai idea-idea yang dikongsi bersama oleh manusia dalam sesuatu masyarakat. Idea-idea tersebut adalah mengenai sesuatu yang berguna dan penting dalam kehidupan seharian. Nilai juga merupakan prinsip umum yang melibatkan anggota masyarakat dengan satu ukuran untuk membuat sebarang pengadilan dan pemilihan tindakan serta matlamat tertentu. Oleh itu, nilai bukan meerujuk kepada objek, nilai tidak mempunyai sifat-sifat objektif seperti bentuk dan warna. Lantas, nilai adalah skonsep iaitu suatu pembentukan mental yang dirumuskan daripada tindakan manusia.

### **1.7.2 Nilai Murni**

Menurut Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010: 8), nilai murni adalah perlakuan yang baik, positif, bermutu dan berkualiti sama ada dalam pemikiran, tingkah laku atau perbuatan, kemasyarakatan atau bidang keagamaan yang mengandungi unsur kebenaran, kejujuran dan tidak mencemarkan budaya masyarakat Melayu. Selain itu, nilai murni juga merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembentukan akhlak dan jati diri setiap masyarakat. Hal ini terbukti berdasarkan pendapat yang ditegaskan oleh Sufean Hussin (1989: 64), menyatakan bahawa perlakuan baik dapat dipupuk melalui nilai murni. Oleh hal yang demikian, sekiranya seseorang individu itu diterapkan dengan nilai murni hormat-menghormati, jujur dan amanah, secara tidak langsung akhlak mulia dapat dibentuk. Seterusnya, Nik Azis Nik Pa (1990: 162-163), menyatakan bahawa nilai murni sering dikaitkan dengan budi pekerti yang luhur dan

akhlak yang mulia. Budi pekerti yang luhur tidak akan lahir tanpa kepercayaan terhadap agama terutamanya tentang kewujudan dan kekuasaan Allah. Sementara itu, akhlak yang mulia pula lahir daripada amalan dan didikan agama yang menyeluruh. Gabungan akhlak mulia dan budi pekerti luhur akan dapat mewujudkan masyarakat yang harmonis, jiwa yang tenang, keyakinan yang kukuh dan tidak mudah terpengaruh dengan sebarang ancaman.

Justeru itu, nilai murni dapat disimpulkan sebagai sesuatu yang lahir dari sifat luhur dan akhlak, mempunyai unsur yang baik, positif, bermutu, berkualiti, peradaban dan tatasusila dalam hubungan sesama manusia. Malah, turut dikaitkan dengan pemikiran, tingkah laku dan perbuatan kemasyarakatan dan keagamaan dalam membentuk kehidupan yang benar, jujur, tidak tercemar, berakhlak mulia dan menyeluruh. Hal ini bakal melahirkan masyarakat yang harmoni, berjiwa tenang, yakin, kukuh dan tetap pendirian.

### **1.7.3 Cerita Rakyat**

Cerita rakyat sebagai kesusasteraan yang telah dihidupkan secara lisan dengan menggunakan media pertuturan. Hal ini bermakna, ia merupakan hasil kreatif yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi kepada generasi lain secara lisan dan juga dikenali sebagai tradisi lisan (Halimah Hassan, 1989: 47-48). Selain itu, Fatimah Md. Yassin (1990: 79), menyatakan bahawa cerita rakyat merupakan sebahagian daripada sastera rakyat yang diturunkan dari generasi ke generasi melalui tradisi lisan. Hasil kreatif golongan rakyat desa iaitu khususnya masyarakat tani yang sederhana hidupnya ini adalah bertujuan menghibur dan memberi nasihat serta pendidikan secara tidak formal kepada ahli-ahli masyarakatnya. Seterusnya, Aripin Said (1996: 15) dan Normaliza Abd Rahim (2014a, 2014b) menyatakan bahawa sastera rakyat ataupun disebut sebagai cerita rakyat adalah sastera lisan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Sementara itu, Harun Mat Piah, et al. (2006: 85), menyatakan bahawa sastera rakyat ialah hasil sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan.

Sehubungan itu, cerita rakyat dapat simpulkan sebagai sebahagian daripada sastera rakyat milik orang-orang Melayu. Tambahan pula, cerita rakyat merupakan hasil pengucapan masyarakat berbangsa Melayu yang beragama Islam dan warisan tradisi yang dipanjangkan kepada generasi kemudian. Lantas, cerita rakyat Melayu dapat menggambarkan fenomena kehidupan, pandangan dunia, dan budaya masyarakat tradisi. Jelaslah, segala inti pati melalui cerita rakyat Melayu dapat diguna pakai oleh masyarakat kini sebagai wahana hiburan, didaktik, pengajaran untuk mendidik individu dalam kalangan masyarakat.

### **1.7.4 Melayu**

Menurut Mohamed Mansor Abdullah (1993: 247), setiap suku kaum yang bertutur dalam bahasa Melayu, dari Tanah Jawa, Pulau Sulewesi, Tanah Sumantera mahupun Pulau Bali tergolong dalam golongan orang Melayu. Hal ini disebabkan orang Melayu di Tanah Jawa, Pulau Bali, Pulau Sulewesi serta Tanah Sumantera juga digabungkan dalam satu rumpun bangsa yang sama dan mempunyai adat resam serta kebudayaan

yang sama dengan orang Melayu di Tanah Melayu ini. Seterusnya, Melayu juga dapat ditakrifkan sebagai satu rumpun bangsa yang merangkumi berbagai-bagai suku bangsa yang terdapat di seluruh kawasan Nusantara (Wan Abdul Halim Othman ed., 1993: 61).

Selain itu, Melayu atau orang Melayu terbentuk daripada gabungan pelbagai kumpulan etnik yang terdiri daripada masyarakat watan Semenanjung Tanah Melayu, iaitu orang Kelantan, Terengganu, Kedah, Pahang, Johor, Perak dan orang Melaka. Sebahagian lagi berasal dari keturunan Jawa, Sunda, Bugis-Makasar, Minangkabau, Banjar, Mandailing, Krinci, Riau, Boyan, Aceh, Jambi dan lain-lainnya seperti orang Arab, India, Siam, Cina, dan Eropah beragama Islam yang menjadi Melayu. Asas penyatuan Melayu ialah Islam dan Bahasa Melayu (Anwar Din, 2007: 13). Justeru itu, setelah meneliti pandangan-pandangan yang diberikan oleh sarjana, dapatlah disimpulkan bahawa Melayu ialah terdiri daripada gabungan pelbagai kumpulan etnik dan pelbagai keturunan di seluruh Malaysia dan Nusantara yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu.

### **1.9. Kesimpulan**

Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu merupakan sebahagian daripada sastera rakyat milik masyarakat Melayu. Cerita rakyat Melayu adalah hasil pengucapan masyarakat berbangsa Melayu yang beragama Islam. Cerita rakyat Melayu juga merupakan khazanah yang dipanjangkan kepada generasi kemudian. Selain itu, cerita rakyat Melayu dapat menggambarkan kebudayaan masyarakat Melayu secara tuntas dengan memiliki fenomena kehidupan, pandangan dunia dan budaya masyarakat tradisi. Maka, segala inti pati menerusi cerita rakyat Melayu boleh diteladani oleh masyarakat pada masa kini sebagai medium untuk berhibur dan sumber pendidikan atau pengajaran terhadap seluruh masyarakat. Bab seterusnya, membincangkan tentang kajian-kajian terhadap yang menjadi rujukan dalam kajian ini. Rujukan kajian-kajian tersebut dapat memberi panduan dan idea dalam menganalisis data yang diperoleh agar kajian ini menjadi lebih sistematik.

## RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rasyid. (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- Aboebakar Atjeh. (1988). *Akhlag Dalam Islam. Edisi Ketiga*. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Amir A. Rahman. (1991). *Pengantar Tamdun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Din. (2007). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2011). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn.Bhd.
- Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2011). Pembentukan Emosi Kanak- Kanak Melalui Bahan Bacaan Sastera. *Jurnal ASWARA*, (2) -88.
- Arba'ie Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2014). Word Recognition through Malay Animals Fables. *Asian Social Science Journal*. 10 (11), 252-257.
- Aripin Said. (1996). *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said. Pengolahan Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak & Remaja. (2013, Oktober) Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Wacana Sastera Kanak-Kanak & Remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Dewan Seminar Dato'Hassan Ahmad, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Asmah Bee Mohd Noor & Iran Herman. (1995). *Membina Kesejahteraan Remaja*. Bangi: Penerbit Tekno Edar.
- Awang Hasmadi Awang Mois. "Adat Melayu Sarawak". Adat Melayu Serumpun Ed. Abdul Latiff Abu Bakar. (2001). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 157-172.
- Fatimah Yassin. (1990). Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan. Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika. Dlm. *Dialog Kesusasteraan*, disunting oleh Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin dan Zahir Ahmad. 79-110. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Halimah Hassan. (1989). Masyarakat Dalam Sastera. *Dewan Sastera*. Ogos: 47-48.



- Harun Mat Piah. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abadke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hassan Hamzah. (1997). *Kamus Ensiklopedia*. Kuala Lumpur: Anzagain.
- Hussein Ahmad. (2001). *Pendidikan dan masyarakat: antara dasar, reformasi dan wawasan*: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ibrahim Mamat. (1997). *Memimpin Remaja Sekolah: Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Imam Ghazali. (1990). *Ahlak Seorang Muslim*. Terj. Abu Laila dan Muhammad Tohir. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Noor & Muhammad Azaham. (2000). *Takkan Melayu Hilang di Dunia*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Izzah Abdul Aziz. Pada Suatu Masa Dahulu...”: Adakah Cerita Rakyat Menyeronokkan Atau Menakutkan Kanak-Kanak?. (2013, Oktober). Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Wacana Sastera Kanak-Kanak & Remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Dewan Seminar Dato’ Hassan Ahmad, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Ibrahim Mamat. (1995). *Memimpin Remaja Sekolah: Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Jeannot Abdul Karim & Khairul Anuar Rezo. (2012). “Pembentukan Skala Pengukuran Nilai Melayu: Satu Kajian Perintis.” *Jurnal Akaedemika*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 113-123.
- Jumali Hj. Selamat. (2001). Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu. Projek Akhir Ijazah Sarjana, Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kifah Salum & Mohd Nor Ngah. (1993). *Pedagogi Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

- Kamus Dewan (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurent Metzger. (2007). *Nilai-Nilai Melayu Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Lily Salwani Razali. (2011). Pendekatan Klasisme Dalam Cerita Rakyat Kanak Kanak. Penerbit Universiti Putra Malaysia, September (2), 87-106.
- Madiawati Mamat @ Mustaffa & Arbai'e Sujud.(2010).Transformasi Medium Dari Tradisi Lisan, Teks dan Bentuk Multimedia Dalam Cerita Unggas. *Jurnal ASWARA* (9) 60-78.
- Mahathir Mohammad. (1970). *The Malay Dilemma*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- McAuley, J.G (terj.). (1988). *Komunikasi antara Manusia: Ciri-Ciri Penting dalam komunikasi Peribadi dan Komunikasi Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Michaux Henn. (1986). *A Barbarian in Asia*. New York: Rupa & Co.
- Mohd Ali Hashimi. (1992). *Keperibadian Muslim*. Terj. Haji Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Pustaka salam Sdn. Bhd.
- Mohd Azmi Hassan. (2002). Nilai-Nilai Murni Dalam Hikayat Seri Kelantan. Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sastera, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. 2 (2), 74-85.
- Muhammad Ariff Ahmad. (1993). Nilai-Nilai Murni dalam Pantun Melayu. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Halim Rizman. (1997). Nilai-Nilai Murni Dalam Sajak Penyair ASAS 50. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamed Mansor Abdullah. (1993). Konsep Malu dan Segan Orang Melayu Berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu Lama. Dlm. *Psikologi Melayu*, disunting oleh Abdul Halim Othman, 244-294. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sukarno Wahab. (1999). Kefahaman Budaya Ke Arah Permuafakatan Nilai Masyarakat Malaysia. *Seminar Kefahaman Budaya*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 27-35.
- Mohd. Taib Osman. (1976). *Sastera Rakyat, Tinjauan Umum*. Dlm. Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi, Disunting oleh A. Bakar Hamid. Kuala Lumpur: Dewan



- Mohd Taib Osman. (1991). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. (2010). *Bimbingan dan Kaunseling Kanak-Kanak*. Selangor: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Al-Ghazali. (1987). *Peribadi Muslim*. Peny. H. Mohd Rifai. Batu Caves: Thinker's Library.
- Muhammad Al-Ghazali. (1994). *Peribadi Muslim*. Terj. Osman Hj Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Musetah Mashod. (2010). Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerpen Karya Anwar Ridwan. Projek Ilmiah Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Mustafa Hj. Daud. (1996). *Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azis Nik Pa. (1990). *Program Pendidikan Pelajar Pintar dan Cerdas: Teori dan Praktik*. Kajang: Institusi Pengajian Ilmu-Ilmu Islam.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Siti Saniah Abu Bakar & Arba'ie Sujud. (2011). Warisan Budaya Melayu Berfikir Lambang Kecendekiaan Minda Melayu dalam Sastera Rakyat Kanak-Kanak, *Jurnal ASWARA* (2), 18-25.
- Nik Salida Suhaila Nik Salleh. (2010). *Islam Hadhari :Rakyat Berjiwa Merdeka*. Bandar Baru Nilai: Penerbit KUIM.
- Noor Aina Dani & Any Lay Hoon. (2013). *Nilai Murni Dalam Cerita Jenaka Melayu Daripada Perspektif Islam dan Barat: Perbandingan antara Model A-Ghazali dengan Model Via*. (2013, Oktober). Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sastera Rakyat Melayu Serantau anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Dewan Seminar Dato' Hassan Ahmad, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Noor Aina Dani & Shahril Nizam Sha'ri. (2012). *Nilai Murni Cerita Jenaka*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Noraini Hassim. (2005). Analisis Tema Terhadap Antologi Cerpen Calar Mimpi. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Norashikin Mat Razak. (2010). Perbandingan Citra Masyarakat Dalam Novel Sanggetaa dan Harga Sebuah Maruah Karya Azizi Haji Abdullah. Projek Akhir Ijazah Sarjana, Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Norhaidah Mohd Kasran. (1999). Nilai-Nilai Murni Dalam Antropologi Lukisan Zaman. Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Bahasa Melayu dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

- Norita Ariffin. (2006). Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun. Projek Akhir Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Norizan Ahmad. (1999). Nilai-Nilai Murni Dalam Hikayat Merong Mahawangsa. Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sastera, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Normaliza Ab Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2014). Awareness of Folklore in Multimedia: Spoken Discourse among Learns. *Technics Technology Education Management*. 9 (2), 352-360.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the Animals Fable 'Bird of Paradise' Song. *Asian Social Science Journal*. October, 10 (19), 17-23.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). The Nearly Forgotten Malay Folklore: Shall We Start With The Software? *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. July, 13 (3), 216-221.
- Nur Asmira Mad Din. (2011). Nilai-Nilai Murni Dalam Lagu Rakyat Koleksi Aripin Said. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Nyia See Keng. (2004). Nilai-Nilai Murni Dalam Sajak-Sajak J. M. Aziz Dan T. Alias Taib. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Bahasa Melayu dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Norazit Selat. (2001). "Adat Melayu: Kesenambungan dan Perubahan". *Adat Melayu Serumpun* Ed. Abdul Latiff Abu Bakar. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 87-98.
- Omar Mamat. "Nilai Dalam Teks Komponen Sastera". Seminar Kebangsaan: Teks Komponen Kesusasteraan Melayu Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu; Tema: Pendidikan Sastera Wahana Pembinaan Negara Bangsa, Kuala Lumpur: Institut Bahasa Melayu, 12-14 Julai, 2000, 1-16.
- Othman Puteh & Aripin Said. (2013). *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1992). *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Richard M. Dorson Ed. (1973). *Folklore and Folklife: An Introduction*. Chicago The University Of Chicago.
- Roslina Abu Bakar. (2013). Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi Dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rosyiha Sedik. (2010). Nilai-Nilai Murni Dalam Lagu Rakyat Terengganu. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Sheppard, M. C. F.F. (1959). *Malay Courtesy*. Singapura: Eastern. Universiti Press Ltd.
- Sufean Hussin. (1989). *Pengajaran Nilai dan Kurikulum*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sufean Hussin. (2008). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Kedua.
- Swettenham Frank. (2003). *Perihal Orang Melayu*. Terj., Zubaidah Ibrahim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan Dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Teuku Iskandar. (2005). *Kamus Dewan. Edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Halim Othman. (1993). *Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu. Psikologi Melayu* Ed. Wan Abdul Halim Othman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 61-97.
- Wan Abdul Kadir. (2002). *Pembinaan Tradisi dan Budaya Ekspresif Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Marzuki Wan Mohd Noor. (2010). "Nilai Murni dalam Novel Imam." Projek Akhir Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Y.M Tengku Lukman Sinar. (2001). *Adat Dan Budaya Melayu di Pesisir Timur Sumatera. Adat Melayu Serumpun*. Ed. Abdul Latiff Abu Bakar. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 215- 234.
- Zahara Noor Hashim. (2003). Nilai-Nilai Murni Dalam Puisi-Puisi Usman Awang Tahun 1950-An Hingga 1970-An. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Bahasa Melayu dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor
- Zailan Moris & Sh. Azad Sh. Attar. (2007). Falsafah Pendidikan Tinggi di Malaysia Sejak Merdeka hingga hari ini. Dlm. Zilan Moris (pyt.) *50 Tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia(1957-2007)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Zakaria Abd. Majid (1994). Nilai- Nilai Murni dalam Kumpulan Pantun dalam Melayu Zainal Abidin Bakar. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zainal Abidin Datuk Borhan. (2001). *Adat Melayu Melaka. Adat Melayu Serumpun* Ed. Abdul Latiff Abu Bakar. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 137-156.

